



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 21 FEBRUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FISHERMEN TO NEED FACIAL RECOGNITION FOR DIESEL PURCHASE, NEWS, NST -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	CAP GESA KPKM, FAMA SELESAI ISU KEKURANGAN KELAPA SEBELUM RAMADAN, LOKAL, HM -21	
3.	TARIK LESEN SERTA-MERTA, LOKAL, HM -21	
4.	PEMANDU DITAHAN, TIDAK SEMPAT EDAR 20 LEMBU SELUDUP, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	IKAN KEMBUNG 70 SEN SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2025	NST	NEWS	5

Fishermen to need facial recognition for diesel purchase

FISHERMEN will soon need to use facial recognition technology to buy government-subsidised diesel

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said this was among the security features being developed by the government, which is expected to be implemented by September to prevent leakages.

He said the Fishermen's Subsidised Fuel Purchase System was being developed by the Fisheries Development Authority of Malaysia.

Last year, he said, 199 fishing vessels were suspended and blacklisted from receiving diesel subsidies for flouting subsidy rules and other regulations.

These offences, he added, involved subsidy misappropriation amounting to RM2.81 million, equivalent to 0.2 per cent of the total subsidies disbursed.

Mohamad said at present, fishermen's associations acted as retailers and were equipped with handheld devices at subsidised diesel sales centres.

Mohamad was responding to a question from Kalam Salan (PN-Sabak Bernam) on the improvements made to the standard operating procedures for buying subsidised diesel for fishermen.



PEMBORONG memeriksa kelapa selepas dikupas sebelum dijual kepada orang ramai di Kampung Kok Majid, Tumpat. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Tarik lesen serta-merta Pembekal kelapa diingatkan tidak seludup bekalan ke Thailand

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
nfazlina@bstp.com.my

Kota Bharu

Lebaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) mengingatkan pembekal kelapa berlesen di negeri ini supaya tidak menyeludup bekalan terbahit ke negara jiran.

Pengarah Fama Kelantan Wan Faizatul Aniza Ismayatim berkata, mereka yang dikesan melakukan perbuatan melanggar itu akan ditarik lesen dengan serta-merta.

Bagaimanapun katanya, setakat ini tiada kes pembekal kelapa ditarik lesen

“Sehingga kini, di Kelantan kita mempunyai 48 pembekal kelapa berlesen selepas semua mereka memohon dan perlu patuh dengan syarat yang ditetapkan Fama.”

Pengarah Fama Kelantan Wan Faizatul Aniza Ismayatim

kerana menyeludup bekalan itu ke Thailand.

“Sehingga kini, di Kelantan kita mempunyai 48 pembekal kelapa berlesen selepas semua mereka me-

mohon dan perlu patuh dengan syarat yang ditetapkan Fama.”

“Di peringkat Fama, kita sentiasa mengingatkan mereka tidak menyeludup dengan lesen yang diberikan dengan menyeludup bekalan kelapa terbahit ke Thailand.”

“Sekiranya kita tahu ada pemegang lesen yang berbuat sedemikian, dan kita ada bukti, permit mereka akan ditarik serta-merta,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Pada masa sama, Wan Faizatul Aniza berkata, pembekal kelapa juga diminta menaikkan papan tanda di premis masing-masing mengawakan mereka adalah pembekal

kelapa berlesen.

Ini kerana katanya, ia barang mengelak timbul sebabnya menjelaskan imej Fama terutama ketika bekalan kenaan berkurangan.

“Untuk mereka yang gagal menaikkan papan tanda di premis masing-masing, kita akan memberi amaran sebanyak tiga kali dan sekiranya mereka masih gagal berbuat demikian, lesen mereka akan ditarik.”

“Fama sentiasa bekerjasama dengan Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan membabitkan bekalan kelapa dan lain-lain,” katanya.

CAP gesa KPKM, Fama selesai isu kekurangan kelapa sebelum Ramadan

Georgetown: Kelapa mengalami kemalangan secara beransur-ansur hingga mencecah RM4 sebilu masalah bekalan yang meruncing.

Susulan itu Persatuan Pengusaha Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyelesaikan isu kekurangan kelapa di pasaran sebelum Ramadan.

Presiden CAP Mohideen Abdul Kader berkata, tinjauan pribadinya di pasaran sekitar Pulau Pinang baru-baru ini mendapati golongan peniaga santan dan kelapa bimbang berhubung masalah kekurangan bekalan kelapa.

Katanya, pengurangan itu juga menyebabkan kenaikan harga yang mendadak. “Kelapa import mengalami kenaikan harga secara beransur-ansur, kini mencecah RM4 setiap satu.”

“Kenaikan harga ini juga menyebabkan harga santan turut meningkat daripada RM16 sekgolgram.

“Peniaga menjangka harga santan akan terus meningkat berkemungkinan mencecah RM20 se-

kilogram menjelang Ramadan berkaitan bekalan kelapa yang semakin berkurangan,” katanya semalam.

Menurut Mohideen, CAP sudah bangkitkan isu berkenaan dalam kenyataan akhbar pada Disember tahun lalu.

“Ia diikuti dengan kenyataan daripada Fama yang berjanji bagi mengimport lebih banyak kelapa dari negara jiran bagi memastikan bekalan domestik mencukupi namun masalah ini masih berlarutan.

“Sehubungan itu CAP menyeru Fama serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi menyelesaikan isu ini sebelum Ramadan,” katanya lagi.

Pada 2 Februari lalu, bekas Pengurus Pusat Operasi Fama Musa Abdul Kader, dilaporkan berkata, bekalan kelapa negara berkurangan 60 peratus sejak Ogos lalu susulan musim melawas yang dijangka pulih Mei depan.

Manakala Abad luh, Timbalan Ketua Pengarah Fama Shaharizan Sudirman memberi jaminan bekalan kelapa mencukupi menjelang Ramadan susulan pihaknya melaksanakan intervensi bekalan sejak Disember tahun lalu.

Pemandu ditahan, tidak sempat edar 20 lembu seludup

TANAH MERAH – Cubaan seorang pemandu lori untuk menghantar 20 ekor lembu seludup bernilai RM160,000 untuk dijual di pasaran tempatan gagal apabila ditahan di Kampung Lalang Pepuyu di sini kelmarin.

Suspek berusia 31 tahun itu ditahan kira-kira pukul 4.45 petang ketika anggota Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) menjalankan tugas menerusi Op Taring Wawasan Kelantan.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Ab. Hamid berkata, anggota PGA melihat sebuah lori jenis Hino dipandu dalam keadaan mencurigakan semasa tiba di ka-




SEBUAH lori yang membawa 20 ekor lembu seludup ditahan di Kampung Lalang Pepuyu, Tanah Merah kelmarin.
— IHSAN PGA

wasan kampung tersebut. Menurutnya, lori tersebut didapati membawa 20 ekor lembu seberat lebih 10,000 kilogram.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, kesemua haiwan ternakan itu dipercayai diseludup dari Thailand berikutan ia tiada sebarang dokumen yang sah.

"Pemandu lori tersebut disyaki menjadi penghantar kesemua lembu itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, lembu yang dirampas diserahkan kepada Jabatan Veterinar Kelantan untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.



KEBANYAKAN nelayan ikan kembung Kuala Muda tidak turun ke laut disebabkan harga ikan yang ditawarkan peraih terlalu murah.

Ikan kembung 70 sen sekilogram

- **Nelayan tidak turun ke laut, pendapatan merosot 50 peratus**
- **Lambakan ikan sebesar saiz dua jari**

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR

SUNGAI PETANI – Lambakan hasil tangkapan ikan kembung bersaiz kecil di Pasar Bisik Kuala Muda, di sini menyebabkan harga borong bagi hasil laut tersebut turun mendadak sehingga mencecah 70 sen sekilogram sejak kelmarin.

Penurunan harga ikan secara mendadak itu menyebabkan nelayan di sini geletak apabila pendapatan harian mereka turut merosot sehingga 50 peratus.

Tinjau di Pasar Bisik Kuala Muda, dekat sini nelayan mendapati, sebahagian nelayan ikan kembung tidak turun ke laut kerana merasakan pendapatan yang diterima tidak berbaloi dengan keringat dan kos operasi yang terpaksa ditanggung.

Seorang nelayan, Zulkarnain Abd Hamid, 39, berkata, trend penurunan harga ikan kembung itu dikatakan sudah berlaku se-

jak seminggu lalu menyebabkan dia terpaksa mengambil keputusan tidak turun ke laut semalam.

Katanya, hasil tangkapan ikan yang terlalu banyak sehingga mencecah dua tan dan saiz ikan yang kecil iaitu sebesar dua jari itu menyebabkan harga jualan kepada peraih atau orang tengah pada harga serendah RM2 hingga RM3 sekilogram, berbanding kebiasaan harga RM4 hingga RM5 sekilogram.

"Kalau ikan yang kecil sangat (untuk buat baja) baru kami jual dengan harga 70 sen. Sebelum ini ikan kecil juga tapi kami dapat



LAMBAKAN ikan kembung bersaiz kecil menyebabkan harga jualan kepada peraih turun antara 70 sen hingga RM3 sekilo. – MEDIA SOSIAL

jadi mereka tak boleh bayar nelayan dengan harga tinggi.

"Situasi ini jika dibiarkan menyebabkan pendapatan kami terus merosot terutama menjelang Ramadan berikutan permintaan semakin berkurangan," ujarnya.

Sementara itu, pengunjung Pasar Bisik, Halimah Md. Desa, 44, melahirkan rasa kecewa apabila tidak berpeluang membeli ikan dengan harga murah untuk membuat kuah laksa.

"Ikan kembung tak banyak macam semalam, saya hanya beli sekilo sahaja dengan harga RM10," ujarnya.